

DIALEK SEBAGAI IDENTITI PENUTUR DALAM BAHASA MELAYU LISAN

DIALECT AS REPRESENTATION OF SPEAKERS' IDENTITY IN SPOKEN MALAY

Mashetoh Abd. Mutalib

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia
mashetoh@uum.edu.my

Accepted date: 31 October 2017

Published date: 13 September 2018

To cite this document: Mutalib, M. A. (2018). Dialek Sebagai Identiti Penutur Dalam Bahasa Melayu Lisan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(16), 117-126.

Abstrak: Bahasa dan identiti tidak boleh dipisahkan kerana melalui bahasa akan wujudnya identiti penutur berkenaan. Bahasa juga memainkan peranan yang maha penting kepada masyarakat selain untuk berkomunikasi. Selain itu, dengan bahasa membolehkan penutur tersebut dikenal pasti identitinya walaupun dengan satu fonem sahaja kita dapat mengetahui daripada mana asalnya penutur berkenaan, yang dipanggil sebagai dialek. Sebenarnya, pengkajian mengenai dialek telah banyak dilakukan kerana negara kita sangat kaya dengan dialek kenegerian masing-masing. Tetapi pengkajian mengenai dialek Kedah yang dipertalikan dengan identiti penutur terutamanya remaja tidak banyak dilakukan. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menganalisis dan membandingkan aksyen bukan standard dalam bahasa Melayu lisan dari perspektif jantina. Kajian ini menerapkan pendekatan dialektologi bandar yang dipelopori Labov (1966), Trudgill (1974) dan Idris (1995) dengan beberapa pengubahsuaian. Kajian ini juga menggunakan teknik temu bual atau gaya wawancara (GW) yang dilakukan terhadap 20 orang informan, iaitu 10 remaja lelaki dan 10 remaja perempuan di bandar raya Alor Setar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa informan perempuan lebih menonjol dalam pengekalan identiti mereka berbanding dengan remaja lelaki yang lebih menonjol ke arah aksyen standard.

Kata kunci: Aksyen, Aksyen Bukan Standard, Identiti, Dialektologi Bandar, Dialek Kedah

Abstract: Language and identity are inseparable, as the presence of a speaker's identity may be distinguished through his or her language. A language also plays an essential role in a society, apart from the purpose of communication. Besides that, a language can also enable the speakers' identity to be recognised merely by a phoneme, which can let us know where a speaker is coming from, also known as a dialect. As a matter of fact, various studies on dialects have been done locally because of the extensive nature of existing dialects in many states respectively. However, the studies on the Kedah dialect in relation to its speakers' identity, particularly the youths are

still scant. Hence, the paper aims to analyse and compare the non-standard accent in the spoken Malay language from a gender's standpoint. This study was grounded in the methodology of urban dialectology by Labov (1966), Trudgill (1974) dan Idris (1995) with a few alterations. This study also employed the interview (GW) method on 20 informants, which were 10 male and 10 female youths in the city of Alor Setar. The findings showed that the female informants were more noticeable in retaining their Kedah identity as opposed to the male youths, which displayed a notable shift towards the standard accent.

Keywords: *Accent, Non-Standard Accent, Identity, Urban Dialectology, Kedah Dialect*

Pengenalan

Bahasa dan identiti tidak boleh dipisahkan kerana dengan bahasalah boleh dikenal pasti identiti seseorang penutur. Dengan bahasa juga, kita boleh kenal seseorang daripada mana asalnya, siapa yang menuturkannya, dengan siapakah bertutur, dari kelompok mana datangnya dan sebagainya. Gumperz dan Gumperz (1982) mengatakan bahawa komunikasi tidak boleh dikaji secara berasingan, ia mestilah dianalisis dari segi kesannya terhadap kehidupan penutur. Oleh itu, perasaan positif terhadap bahasa sendiri biasanya lahir dari peranan yang dimainkannya sebagai penanda identiti yang disukai oleh satu-satu kumpulan (Saville-Troike 1991). Misalnya, jika kita suka akan bahasa itu, maka ia akan terus wujud, tetapi jika kita tidak suka akan bahasa itu, bahasa tersebut tidak lagi menjadi identiti bagi leluhur masyarakat. Malahan bahasa tersebut akan 'lebur'. Oleh itu, dalam pengkajian bahasa, khususnya dalam dimensi linguistik, identiti sebagai subjek yang utama perlu diterokai (Wodak et al. 2009; Norton 2000; Omoniyi 2004, 2008; Dent 2004; Pavlenko and Blackledge (Eds.) 2004). Ini jelas menunjukkan bahawa bahasa merupakan faktor penting sebagai lambang identiti dalam sesuatu masyarakat. Saville-Troike (1991: 204) mengatakan bahawa baik apa-apa pun pilihan dibuat mengenai keanggotaan kumpulan, bahasa merupakan satu faktor penting – suatu lencana identifikasi- bagi persepsi diri dan juga untuk orang lain. Idris et al. (2011: 81) menjelaskan bahawa “lakuan bahasa adalah lakuan identiti. Bahasa yang dituturkan oleh seseorang dan identitinya sebagai penutur bahasa berkenaan tak terpisahkan”. Hubungan bahasa dan identiti adalah amat kukuh sehingga dengan satu fonempun kita boleh mengaitkan identiti seseorang dengan sesuatu kumpulan (Keller-Tabouret, 1997).

Permasalahan Kajian

Kajian berkaitan dialek telah banyak dilakukan di luar negara mahupun di dalam negara terutamanya di negeri-negeri yang kaya dengan dialek seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Kedah. Walau bagaimanapun makalah ini hanya tertumpu kepada kajian dialek di negeri Kedah. Antara pengkaji yang telah meneroka pengkajian dialek Kedah seperti Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Harishon Radzi (2011), Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Nurulafiqah Suhaimi (2011), Zaliza Zubir dan Zuliana Zubir (2014), Norfazila Ab. Hamid dan Rahim Aman (2015), Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusof (2015). Walau bagaimanapun, pengkajian mereka lebih tertumpu kepada aspek linguistik tanpa mempertalikan dengan identiti penutur.

Walaupun terdapat kajian mengenai bahasa dan identiti seperti kajian Wan Robiah (2004), Rosniah Mustafa, Idris Aman dan Jamilah Mustafa (2009), Idris dan Rosniah (2009) dan Idris (2011), tetapi pengkaji-pengkaji ini lebih menumpukan pengkajian terhadap dialek Kelantan dan Sarawak berbanding di negeri-negeri lain.

Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menambah kosa ilmu dalam pengkajian mengenai dialek Kedah yang dikaitkan dengan identiti penutur, iaitu penutur dalam kalangan remaja lelaki dan perempuan di bandar raya Alor Setar.

Sorotan Karya

Makalah ini melihat dua bahagian dalam sorotan karya, iaitu kajian dialek Kedah dan kajian aksan dan identiti. Berikut dikupaskan satu demi satu berkaitan hal tersebut.

Kajian Dialek Kedah

Kajian berkaitan dialek Kedah telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji, antaranya ialah Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusof (2015), meneliti kategori dan fungsi elemen dieksis dalam dialek Kedah khususnya di kampung Kubang Lintah, Mukim Lepai, daerah Kota Setar (DKKS). Data diperoleh melalui kaedah pemerhatian dan teknik rakaman yang bertujuan mencatat dan merakam pertuturan responden. Pengkategorian elemen dieksis berdasarkan kepada kerangka dieksis Huang (2007). Kawasan kajian yang lebih luas tidak dapat dilakukan dan hanya ditumpukan pada sebuah rumah di Kampung Kubang Lintah, Kota Setar kerana keterbatasan masa di lapangan. Peserta dieksis yang terlibat adalah antara ibu dengan anak-anaknya dan adik-beradik. Kajian ini mendapati DKKS mengandungi kategori dieksis perorangan yang diungkapkan melalui kata ganti nama diri (GND) dan penggunaan vokatif yang diungkap melalui kata panggilan. DKKS juga mempamerkan kategori dieksis masa, dan dieksis reruang. Selain itu, kajian ini menunjukkan kategori dieksis sosial berkait rapat dengan dieksis perorangan iaitu berkenaan kodifikasi status sosial bagi penutur, pendengar atau orang ketiga atau entiti yang dirujuk begitu juga bentuk hubungan sosial antara peserta yang terlibat dalam perbualan. Analisis dieksis dialek Kedah telah menunjukkan kategori dan fungsi elemen dieksis. Dalam DKKS, penggunaan elemen-elemen diektik juga menimbulkan multifungsi. Secara keseluruhan, analisis ini juga memberi gambaran tentang sosio-budaya dan budi bahasa dalam percakapan sebagaimana dipamerkan oleh peserta dieksis DKKS.

Kajian Norfazila Ab. Hamid dan Rahim Aman (2015) pula melihat proses pemanjangan dan proses penyisipan vokal dalam dialek Hulu Sik Kedah (DHSK). Fenomena pemanjangan vokal ini berlaku akibat daripada proses pengguguran, pembundaran dan peninggian vokal. Kajian ini menggunakan Kerangka teori linguistik fonologi generatif model non-linear atau dikenali juga sebagai teori fonologi autosegmental yang diperkenalkan oleh Goldsmith (1976). Dapatan kajian telah bahawa menunjukkan DHSK ini ternyata tidak membenarkan kehadiran dua vokal secara berurutan. Sekiranya, terdapat dua vokal hadir secara berurutan, maka kekangan dalam perkataan itu akan berlaku iaitu vokal pertama akan mengalami pengguguran dan vokal yang kedua pula mengalami pembundaran.

Zaliza Zubir dan Zuliana Zubir (2014) dalam kertas kerja mereka yang bertujuan untuk (1) menunjukkan wujudnya pengaruh budaya yang mempengaruhi perbezaan penggunaan dialek di kawasan Pendang, Kedah akibat daripada pengaruh budaya seperti ekonomi, penjajahan, perkahwinan, pendidikan, keagamaan dan sebagainya, (2) menganalisis fonologi dialek Charok Kudung yang merupakan salah satu tempat yang masih kuat pengaruh dialeknnya. Perbezaan yang berlaku mungkin juga disebabkan oleh pengaruh luar yang masuk ke dalam kawasan Pendang, Kedah sehingga menyebabkan wujudnya perbezaan dialek. Kajian tersebut melibatkan dua buah kampung, iaitu Kampung Bukit Jambul dan Kampung Charok Kudung yang terletak di kawasan Pendang, Kedah. Hasil dapatan kajian ini, pengkaji ingin mengemukakan kajian dialek yang berkaitan dengan pengaruh luar atau keadaan yang telah menyebabkan berlakunya perbezaan sebutan dan makna dalam sesuatu dialek yang berbeza walaupun dari daerah atau kawasan yang sama.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Nurulafiqah Suhaimi (2011), menghuraikan fenomena kata soal “mengapa” berdasarkan variasi leksikal yang dimiliki dialek ini melalui analisis sintaksis berpandukan kerangka Program Minimalis (Chomsky, 1995). Data yang digunakan dalam kajian ini ialah kata soal ‘mengapa’ dalam Dialek Kedah (DK). Kajian ini telah menerapkan kerangka teori Transformasi Generatif (TG), iaitu Program Minimalis (Chomsky, 1995). Dapatan kajian ini mendapati bahawa Minimalis boleh “melihat” adjung. Penemuan ini bertentangan daripada pendapat Chomsky. Hasil analisis mendapati kata soal “mengapa” merupakan kata soal bukan argumen berdasarkan huraian yang diberikan. Kajian ini berjaya membuktikan bahawa variasi kata soal “mengapa” juga wujud di kedudukan in situ atau akhir ayat berdasarkan data murni yang dikutip secara langsung daripada penutur natif DK. Analisis sintaksis adalah analisis terbaik untuk menjelaskan dan seterusnya menyokong kewujudan fenomena ini supaya data yang digunakan lebih diyakini. Dalam analisis sintaksis didapati bahawa Komp’ sememangnya mempunyai fitur [uwh] yang kuat tetapi kekuatan berkenaan tidak menjadi penyebab kata soal tersebut bergerak ke posisi spek Fkomp dalam DK. Sebaliknya, analisis ini telah menunjukkan bahawa dalam jenis binaan ayat in situ jenis pembinaannya adalah [OP.. ...VAR]. Maka, OP dan VAR berada dalam entri tersendiri dan terpisah. Binaan ayat soal in situ ini tidak akan memindahkan kata soalnya semasa pembentukan ayat soal. Ini bermakna, kata soal terdaftar sebagai sebuah entri dalam leksikon dan berbentuk abstrak (null) kerana tidak ada bentuk fonologinya. Sebaliknya, jika kata soal dalam DK bergerak, maka pada leksikon [OP+VAR] terdapat di dalam satu entri dan akan melakukan pergerakan (movement), iaitu Operator dan Variabelnya berpindah di dalam pembentukan ayat soal tersebut. Kata soal yang bergerak dalam DK merupakan kata soal yang terdaftar di dalam leksikon sebagai sebuah entri. Kedudukan kata soal ini yang boleh berada di kedudukan in situ dan bergerak hanya untuk membuktikan bahawa bahasa ini tidak bersifat tetap dan sentiasa berubah-ubah. Hal ini bersesuaian dengan sifat bahasa itu sendiri yang “hidup” tanpa dipaksa untuk berada dalam sesuatu keadaan tertentu.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Harishon Radzi (2011), menghuraikan kata soal bila melalui analisis sintaksis berpandukan kerangka Program Minimalis (Chomsky, 1995) untuk menjawab persoalan dari segi posisi sebenar kata soal tersebut. Satu kajian lapangan telah dijalankan di Daerah Baling. Berpandukan analisis deskriptif ke atas data dialek Melayu Utara di Baling, Kedah. Kajian ini menggunakan kerangka Program Minimalis (Chomsky, 1995). Analisis sintaksis mendapati bahawa KOMP sememangnya mempunyai [uwh] yang kuat tetapi kekuatan berkenaan tidak mampu mewajibkan kata soal tersebut bergerak ke posisi skop dalam dialek Melayu Utara. Sebaliknya, analisis ini telah mendakwa bahawa posisi Spek FKOMP di hadiri oleh Op (operator kosong) pada posisi Spek FKOMP untuk menyemak fitur [uwh] yang kuat pada KOMP’. Kehadiran Op pula menghalang pergerakan kata soal argumen ke posisi skop. Analisis ini mendapati bahawa kata soal yang in situ atau bergerak tidak menjadi masalah untuk menyemak kesemua fitur sebelum cetusan untuk menandakan suatu ayat soal itu gramatis. Oleh yang demikian, fenomena dua posisi yang berbeza untuk kata soal bila adalah fenomena yang spesifik bahasa bagi dialek Melayu Kedah.

Apabila ditinjau sorotan karya berkaitan dengan dialek Kedah, belum lagi pengkajian tentang dialek Kedah yang dikaitkan dengan identiti khususnya dalam kajian aksent dialek Kedah. Kajian tentang dialek lebih diberikan perhatian tentang aspek-aspek linguistik yang terdapat dalam dialek Kedah.

Kajian Aksen dan Identiti

Bahasa yang dituturkan oleh seseorang dan identitinya sebagai penutur bahasa berkenaan tak terpisahkan”. Hubungan bahasa dan identiti adalah amat kukuh sehingga dengan satu fonem pun kita boleh mengaitkan identiti seseorang dengan sesuatu kumpulan (Keller-Tabouret, 1997). Kajian aksen dan identiti telah diteroka oleh pengkaji-pengkaji seperti Wan Robiah (2004), Rosniah Mustaffa, Idris Aman dan Jamilah Mustafa (2009), Idris dan Rosniah (2009) dan Idris (2011). Dalam kajian Wan Robiah (2004) melihat enam variabel fonologi, iaitu (a1), (a2), (r), (h), (ai) dan (au) yang digunakan oleh masyarakat Kuching. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan identiti dalam variabel fonologi dengan kelompok sosial menengah. Hal ini kerana kelompok menengah cenderung mengalami perubahan berbanding dengan kelompok sosial bawahan. Manakala kelompok bawahan pula, masih mengekalkan fonologi dialek Melayu Sarawak, tetapi pengekalannya pada tahap sederhana.

Seterusnya, Rosniah Mustaffa, Idris Aman dan Jamilah Mustafa (2009), juga telah meneliti lima pemboleh ubah fonologi seperti vokal terbuka (a) *kita*, vokal tertutup (i) *bilik*, vokal tertutup (u) *masuk* konsonan (r)1 rumah dan (r)2 *pasar* bersandarkan angkuh konteks gaya berbahasa seperti gaya daftar kata (GDK), gaya membaca petikan (GMP), gaya wawancara (GW) dan gaya bercerita. Hasil dapatan menunjukkan bahawa dalam konteks formal, penutur bukan natif cenderung memaparkan identiti dan integrasi nasional apabila bertutur. Ia diperkukuhkan lagi oleh informan perempuan, kelompok status sosioekonomi lebih tinggi, dan kelompok usia lebih muda yang lebih peka dengan aksen standard.

Idris dan Rosniah (2009) meneliti aksen, identiti dan integrasi penutur Melayu di Kuching Sarawak. Variabel fonologi yang dipilih ialah (a), (i), (u), (r)1 dan (r)2 berdasarkan status sosioekonomi, jantina dan usia dalam empat gaya bahasa formal, iaitu membaca daftar kata, membaca petikan, gaya wawancara dan gaya bercerita. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti informan Kuching menggunakan aksen standard lebih kerap berbanding aksen bukan standard. Secara tidak langsung, dapatan menunjukkan bahawa informan Melayu di Kuching sudah bersedia berakomodasi dengan aksen kebangsaan.

Seterusnya, kajian aksen dan identiti juga ditelusur oleh Idris (2011) telah membincangkan akomodasi terhadap aksen standard kebangsaan dalam kalangan informan penutur asli Melayu di dua buah bandar raya di Malaysia, iaitu Kuching dan Kota Bharu. Kajian difokuskan pada dua pemboleh ubah fonologi yang signifikan dalam hal aksen bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, iaitu (a) pada akhir kata terbuka, seperti dalam kata *kereta* dan (r) pada kata tertutup, seperti dalam *pasar*. Status akomodasi aksen kebangsaan dilihat bersandarkan pemboleh ubah kelainan gaya bahasa dan bersandarkan dua pemboleh ubah konteks sosial bukan-linguistik, iaitu usia dan jantina informan dalam situasi formal dengan mengambil kira faktor kewilayahan dan kenatipan. Selanjutnya, realiti penggunaan aksen kebangsaan dalam pemboleh ubah tersebut dihubungkan dengan soal integrasi dan identiti – nasional atau tempatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa, kebanyakan informan di Kuching tidak asing dengan aksen standard kebangsaan kerana majoritinya menggunakan aksen (variasi) standard lebih kerap berbanding aksen bukan standard (tempatan). Bagi informan Kota Bharu Kelantan pula menunjukkan bahawa aksen (r) memperlihatkan kecenderungan informan untuk memilih aksen bukan standard berbanding aksen standard. Manakala bagi pemboleh ubah fonologi (a) aksen standard lebih mendominasi dengan hanya memperlihatkan sedikit perselisihan dengan aksen tempatan. Ini menunjukkan bahawa penutur dialek Kota Bharu mampu berakomodasi atau boleh dilentur dengan aksen standard.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, jelas menunjukkan bahawa kajian bahasa dan identiti lebih memfokus kepada aksen terutamanya dalam huruf-huruf vokal (a), (i) serta (u) dan konsonan (r). Melalui aksen tersebut, identiti penutur dapat dikenal pasti sama ada berakomodasi dengan aksen standard kebangsaan atau masih tegar dialek. Selain itu, kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa kajian aksen dan identiti dilakukan di Kota Bharu dan Kuching sahaja. Manakala tempat lain seperti Kedah tidak lagi dilakukan. Walaupun kajian dilakukan di Kedah tetapi rata-ratanya tidak memfokus aksen dan identiti sebaliknya fokus kajian mereka terhadap diaksis dan kata soal seperti kajian yang dijalankan oleh Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusof (2015) serta Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Nurulafiqah Suhaimi (2011) ; Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Harishon Radzi (2011).

Setelah diteliti kajian-kajian tentang dialek dan bahasa dan identiti, dapatlah dijelaskan bahawa kajian dialek lebih memfokuskan kepada dialek semata-mata tanpa menghubungkaitkan soal identiti. Manakala kajian mengenai bahasa dan identiti tidak pula dilihat dalam dialek Kedah. Oleh itu, kertas kerja ini berhasrat untuk membincangkan aksen bukan standard Alor Setar, iaitu konsonan l, r, f dan s serta vokal u.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian penggunaan korpus bahasa Melayu lisan di enam buah bandaraya terpilih, iaitu Alor Setar, Shah Alam, Johor Baharu, Kuala Terengganu, Kuching dan Kota Kinabalu. Oleh itu, pendekatan dialektologi sosial bandar yang dipelopori oleh Labov (1966), Trudgill (1974) dan Idris (1995) diterapkan dalam kajian ini. Kajian korpus bahasa Melayu lisan melibatkan 120 orang informan remaja lelaki dan perempuan yang berbangsa Melayu. Walau bagaimanapun, makalah ini hanya mengambil data daripada informan bandaraya Alor Setar sahaja untuk dibincangkan.

Data bahasa lisan ini telah dikumpulkan dengan menggunakan teknik temu bual. Temu bual juga adalah satu kaedah pengumpulan data yang paling biasa digunakan dalam penyelidikan sosial (Cohen et al. 2007). Asmah (2001: 72) menyatakan bahawa “perbualan yang tidak diatur itu mempunyai kelebihan dan data yang diperolehi itu betul-betul merupakan bahasa yang digunakan oleh komuniti berkenaan sehari-hari bukan yang dibuat-buat”. Hal ini kerana penyelidik perlu mendapatkan data yang betul dan tepat dari informan. Patton (1980) menyatakan bahawa temu bual boleh disifatkan sebagai saluran kepada penyelidik untuk mendekati dunia peserta kajian dan juga memahami apa yang sebenarnya dialami dan difikirkan oleh mereka. Purata bagi setiap informan ialah selama 20 minit. Jumlah waktu ini bersesuaian dengan pendapat Marohaini (2004:111) yang mengatakan bahawa tempoh bagi sesebuah temu bual biasanya mengambil masa dari 10 minit hingga 30 atau 45 minit.

Temu bual dilakukan dua peringkat, iaitu peringkat pertama, temu bual dilangsungkan secara tidak formal yang bertujuan menjalinkan proses kemesraan dan kebiasaan antara pengkaji dan informan. Pada peringkat ini, pengkaji tidak menggunakan alat rakaman. Melalui perbualan ini juga, pengkaji menggunakan strategi yang disarankan oleh Idris (1995), iaitu soalan-soalan yang bertujuan merapatkan keterasingan penyelidik dan informan seperti menanyakan keadaan tempat itu, berapa lama menetap, dan sebagainya yang boleh merapatkan jalinan antara penyelidik dan informan. Di samping itu juga, ia dapat mewujudkan kebiasaan dan keakraban semasa temu bual dijalankan. Temu bual jenis ini dikenali sebagai *conversations interviews* (Patton, 1980) dan *conversation with a purpose* (Marshall dan Rossman, 1989).


Seterusnya, apabila pengkaji dan informan sudah dapat menyesuaikan diri, barulah pengkaji menggunakan temu bual peringkat kedua, iaitu soal selidik yang dikira sebagai gaya perbualan

rasmi. Soalan-soalan di bahagian ini adalah berkenaan dengan latar belakang informan, latar belakang pendidikan informan, dan latar belakang Shah Alam. Informan-informan hanya perlu memberi jawapan yang pendek dan ringkas. Seterusnya, soalan-soalan yang berkisar tentang pengalaman informan dikemukakan bagi menggalakkan informan bercakap. Dalam teknik temu bual jenis ini, pengkaji cuba mengajak informan bercerita, sama ada pengalaman pahit atau manis tidak kira bila kejadian tersebut berlaku. Soal selidik jenis ini akan menghasilkan gaya bahasa bersahaja dan teknik ini sesuai kepada pengkaji untuk mendapatkan data. Asmah (2001) menyatakan berbagai-bagai cerita akan membangkitkan penggunaan berbagai-bagai jenis kata yang meliputi pelbagai domain. Selain itu, penggunaan teknik temu bual juga merupakan satu cara yang cepat untuk mendapatkan maklumat yang banyak dalam satu masa yang singkat (Merriam, 1988). Pendapat Chambers dan Trudgill (1990), menjelaskan bahawa kajian-kajian dialek bandar memerlukan rakaman perbualan yang bersifat sementara dan lazimnya soalan-soalan yang direka dapat menghasilkan perbualan yang panjang.

Dialek Kedah

Dialek Kedah terdiri daripada beberapa subdialek, iaitu subdialek Perlis-Pulau Langkawi, Kedah Persisiran, Kedah Utara dan Pulau Pinang serta terdapat beberapa aksen, iaitu aksen Siam (Asmah Haji Omar, 2015).

Kertas Kerja ini akan membincangkan subdialek Kedah persisiran (Kawasan Bandar raya Alor Setar). Subdialek ini biasanya dituturkan dari Kangar hingga ke Taiping dan dari pantai hingga ke Baling (Asmah Haji Omar, 2015). Walau bagaimanapun jika diteliti terdapat beberapa perbezaan sama ada dari segi sebutan dan juga kosa kata/leksikal antara kawasan dalam dialek Persisiran ini. Tetapi, makalah ini tidak berhasrat untuk membincangkan perbezaan tersebut sebaliknya hanya melihat aksen bukan standard dalam dialek Kedah Persisiran yang menyebabkan wujudnya identiti kenegerian dan perbandingan penggunaan antara jantina.



Rajah 1 Peta kawasan kajian

Perbincangan

**Jadual 1: Aksen bukan standard di Alor Setar
bersandarkan angkubah jantina**

Angkubah sosial	Angkubah fonologi				
	l	r	f	s	u
Jantina					
Lelaki	48 %	49%	60 %	44%	48%
Perempuan	52 %	51%	40%	56%	52%
Jumlah %	13	39	6	11	30

Jadual 1 menunjukkan angkubah sosial yang dikaji ialah jantina lelaki dan perempuan di bandar raya Alor Setar. Manakala angkubah fonologi yang paling menonjol bagi dialek Kedah ialah konsonan /l/, /r/, /f/, /s/ serta vokal /u/. Dalam Jadual 1 juga menunjukkan bahawa konsonan getaran, iaitu ‘r’ paling tinggi (39%), diikuti dengan konsonan lateral /l/ sebanyak 13%. Manakala s dan f masing-masing (11%) dan (6%). Selain itu, vokal ‘u’ juga diujarkan sebanyak 30%. Seterusnya perbandingan antara aksen bukan standard dan jantina akan dibincangkan.

Perempuan paling menonjol dalam aksen f dan s

Jika dilihat dalam jadual 1, hubungan aksen dan jantina tidaklah begitu ketara kerana perbezaan peratusan tidak begitu tinggi. Walau bagaimanapun, jika diteliti hanya aksen f dan s sahaja yang menunjukkan bahawa perempuan paling menonjol dalam aksen f dan s. Maksudnya perempuan lebih menggunakan aksen bukan standard berbanding dengan lelaki yang menggunakan aksen standard ‘f’ dan ‘s’.

Antaranya contoh perkataan yang digunakan seperti berikut

f	s
Fasal	Kurus
Fikir	Kertas
Faham	Perlis
	Habis

Dalam geseran dua bibir tak bersuara [f], penutur biasanya akan menukar aksen standard kepada aksen bukan setandard menjadi letupan tidak bersuara ‘p’ seperti pasai, pikiaq dan paham. Oleh kerana konsonan [f] adalah konsonan pinjaman, jadi tidak banyak kosa kata dari konsonan [f] ditemui.

Selain itu, informan perempuan juga lebih menonjol dalam konsonan geseran gusi tidak bersuara, iaitu [s]. Apabila perkataan yang diakhiri oleh konsonan tersebut akan dileburkan hurufnya dan digantikan dengan konsonan rangkap /_ɹh/ menjadi [kuru _ɹh], [kerta _ɹh]. Walau bagaimanapun konsonan [s] tidak akan berubah menjadi [_ɹh] sekiranya berada dihadapan perkataan, contohnya seperti sembuh, sakit, sayang dan sebagainya.

Lelaki dan perempuan tidak begitu ketara dalam aksen bukan standard bagi l, r dan u

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa aksen bukan standard bagi huruf l, r dan u tidaklah begitu ketara perbezaannya antara informan lelaki dan perempuan, iaitu sebanyak 4% dan 3% sahaja. Hal ini membuktikan bahawa setiap informan lelaki dan perempuan memang mengekalkan identiti kenegerian bagi aksen-aksen tersebut.

Antara contoh beberapa perkataan seperti,

Jadual 1 Aksen bukan standard l, r dan u

L	r	u
Betoi	tenteqa	belum
Ambik	daqat	kumpoi
Tinggai	Negeqi	umoq
Kecik	Sendiqi	terok
Pasai	Peqak	Koqang (kurang)
Kumpoi	Piqing	Posa (puasa)

Bagi konsonan [l], aksen bukan standard akan berubah menjadi diftong [oi] dan [ai] serta konsonan [k]. Perubahan-perubahan tersebut akan berlaku sekiranya huruf-huruf vokal belakang sempit [u] dan vokal depan luas [a] seperti /betul/, /kumpul/, /tinggal/, /pasal/ akan berubah menjadi diftong. Manakala perkataan /ambil/ akan berubah menjadi /ambik/ kerana sebelumnya, vokal depan sempit. Jika dilihat perubahan-perubahan ini berlaku secara tidak konsisten. Hal ini, menjadikan penutur natif/jati sahaja yang mengetahuinya. Jadi tidak ada rumus bagi perubahan tersebut.

Bagi vokal belakang sempit [u], kebanyakan vokalnya akan berubah menjadi vokal belakang separuh sempit [o] bagi perkataan dalam Jadual 2. Walau bagaimanapun, bagi perkataan /puasa/, huruf vokal berganding, iaitu /ua/ akan dileburkan menjadi [o] sahaja.

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatlah dijelaskan bahawa penutur di bandar raya Alor Setar, iaitu golongan remaja yang dikaji masih mempertahankan aksen bukan standard tempatan untuk dialek Kedah. Aksen tersebut menunjukkan bahawa mereka tegar menggunakan dialek kenegerian bagi menunjukkan identiti dan jati diri tempatan. Aksen bukan standard l, r dan u antara informan lelaki dan perempuan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara bagi menggampankan aksen dialek tempatan yang didiami oleh mereka. Oleh itu, dapatlah dijelaskan juga bahawa penutur remaja di bandar raya Alor Setar masih mempertahankan identiti mereka dengan menggunakan dialek kenegerian terutamanya bagi konsonan /l/, /r/, /f/, /s/ serta vokal /u/.

Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan geran FRGS (Kementerian Pendidikan Malaysia) dengan kod S/O 13134.

Rujukan

- Asmah Haji Omar (2014). Susur galur bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar. (2001). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J.K dan Trudgill, P. (1990). *Dialektologi*. Terj. Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi. (2011). Variasi kata soal “mengapa” dalam dialek Kedah: satu analisis sintaksis. *Jurnal Bahasa*. 11(1), 131-153. Diakses 12 Mei 2017 daripada [http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wpcontent/uploads/2014/08/7Variasi-Kata Soal.pdf](http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wpcontent/uploads/2014/08/7Variasi-Kata%20Soal.pdf)

- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2011). Kata soal bila dalam dialek Kedah Melayu Baling: satu analisis sintaksis. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 11(1), 69-80. Diakses 5 Jun 2017 daripada <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/68>
- Idris Aman & Rosniah Mustaffa. (2013). Profiles of Malaysian Malay standard accent and identity values. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 21(1), 179 – 202. Diakses 14 Mei 2017 daripada <http://www.pertanika.upm.edu.my/>
- Idris Aman & Shahidi Abd. Hamid. (2001). Variasi sosial sebutan bahasa Melayu: kajian sosiofonologi di sekolah. *Jurnal Bahasa*. 1(4), 466 - 482. Diakses 12 Mei 2017 daripada <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/02/2-Variasi-Sosial-Sebutan-Bahasa-Melayu.pdf>
- Idris Aman (Pyntg.). (2011). *Aksen bahasa kebangsaan: reliti, identiti dan integrasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marohaini Yusoff. (2004). Pengutipan dan pengumpulan data perlakuan dan proses menulis karangan dalam bilik darjah. Dlm. Marohaini Yusoff (ed.). *Penyelidikan kualitatif: pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marshall, C. & Rossman, G.B. 1989. *Designing qualitative research*. Newbury Park, California: Joesy-Bass Inc.
- Merriam, S.B. (1988). *Case study research in education: A qualitative approach*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman (2015). Proses pemanjangan vokal dalam dialek Hulu Sik Kedah: satu penerapan teori fonologi generatif model non-linear. *Journal of Social Science & Humanities*, 9(2), 195-205. Diakses pada 15 Oktober 2017 daripada http://www.ukm.edu.my/e-bangi/papers/2014/195-205%20dialek_sik.pdf
- Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof. (2015). Analisis Deiksis Dialek Kedah. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 15(1), 163-187. Diakses 5 Jun 2017 daripada <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/6525/3239>
- Patton, M.Q. (1980). *Qualitative evaluation methods*. Beverly Hills, California: Sage Publication.
- Rosniah Mustaffa, Idris Aman & Jamilah Mustafa. (2009). Social variation of non-Malays in Kota Bharu, Kelantan: a study on accent, identity and integration. <http://www.ukm.my/solls09/Proceeding/PDF/Rosniah%20et%20al.pdf>. [5 Jun 2009]
- Wan Robiah Meor Osman. (2004). Variasi sosial bahasa Melayu di Kuching: satu pendekatan dialektologi sosial bandar. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaliza Zubir & Zuliana Zubir. (2014). Pengaruh budaya yang mempengaruhi wujudnya perbezaan penggunaan dialek di kawasan Pendang, Kedah. *Journal of Human Development and Communication* 3, 93-113. Diakses pada 15 Oktober 2017 daripada